



KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENDIDIKAN ISLAM: CABARAN DAN KEBIMBANGAN TERHADAP PENGGUNAAN *CHATGPT*

[ARTIFICIAL INTELLIGENCE IN ISLAMIC EDUCATION: CHALLENGES AND CONCERNS REGARDING THE USE OF *CHATGPT*]

NAZIRATUL AFIFAH ZAINUDDIN & HAFIZHAH ZULKIFLI¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: p130852@siswa.ukm.edu.my; hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Correspondent Email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Received: 21 August 2025

Accepted: 1 September 2025

Published: 30 September 2025

Abstrak: Perkembangan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*, AI) telah membawa perubahan signifikan dalam landskap pendidikan, termasuk dalam bidang Pendidikan Islam. Salah satu aplikasi AI yang semakin mendapat perhatian ialah *ChatGPT*, yang digunakan secara meluas oleh pelajar sebagai sumber rujukan dan pemudah cara pembelajaran. Walau bagaimanapun, penggunaan *ChatGPT* dalam konteks ilmu agama menimbulkan pelbagai persoalan berkaitan kesahihan kandungan, kefahaman terhadap konteks syarak, etika penggunaan serta tahap literasi digital pelajar. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis secara kritikal fungsi, potensi dan cabaran penggunaan *ChatGPT* dalam pembelajaran Pendidikan Islam dengan memberi tumpuan khusus kepada isu kebolehpercayaan maklumat yang dijana oleh AI. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis dokumen dan sorotan kajian lepas bagi mengenal pasti isu-isu utama yang berkaitan dengan kesahihan kandungan agama, kelemahan model AI dalam memahami hukum dan dalil syarak, kebimbangan etika serta kekangan literasi digital dalam kalangan pelajar. Dapatan analisis menunjukkan bahawa walaupun *ChatGPT* berpotensi menyokong pembelajaran sendiri dan meningkatkan kefahaman pelajar, penggunaannya tanpa bimbingan dan penilaian kritikal boleh membawa kepada salah faham terhadap ajaran Islam serta menjejaskan integriti ilmu. Oleh itu, artikel ini menegaskan keperluan kerangka penggunaan AI yang berlandaskan prinsip Pendidikan Islam, pemerkasaan literasi digital, serta peranan guru sebagai autoriti ilmiah bagi memastikan teknologi dimanfaatkan secara beretika dan bertanggungjawab.

Kata kunci: kecerdasan buatan, *ChatGPT*, Pendidikan Islam, kebolehpercayaan maklumat, etika digital.

Abstract: The rapid development of artificial intelligence (AI) has brought significant changes to the educational landscape, including the field of Islamic Education. One AI application that has gained increasing attention is *ChatGPT*, which is widely used by students as a reference source and a learning facilitator. However, the use of *ChatGPT* in the context of religious knowledge raises various concerns related to the authenticity of content, understanding of Islamic legal context (*shar‘ī*), ethical considerations, and students’ level of digital literacy. This article aims to critically analyse the functions, potential, and challenges of using *ChatGPT* in Islamic Education with a particular focus on the reliability of AI-generated information. A qualitative approach is employed through document analysis and a review of previous studies to identify key issues related to the authenticity of religious content, the

limitations of AI models in understanding Islamic rulings and legal evidences, ethical concerns, and constraints in students' digital literacy. The findings indicate that although *ChatGPT* has the potential to support self-directed learning and enhance students' understanding, its use without proper guidance and critical evaluation may lead to misconceptions of Islamic teachings and undermine the integrity of Islamic knowledge. Therefore, this article emphasises the need for a structured framework for AI usage grounded in the principles of Islamic Education, the strengthening of digital literacy, and the role of teachers as scholarly authorities to ensure that technology is utilised ethically and responsibly.

Keywords: Artificial Intelligence, *ChatGPT*, Islamic Education, Information Reliability, Digital Ethics.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Naziratul Afifah Zainuddin & Hafizhah Zulkifli. 2025. Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan Islam: Cabaran dan Kebimbangan Terhadap Penggunaan *Chatgpt* [Artificial Intelligence in Islamic Education: Challenges and Concerns Regarding The Use of *Chatgpt*]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 5(3), 1-11.

PENGENALAN

Perkembangan teknologi yang pesat telah membawa kepada kemunculan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*, AI) sebagai salah satu inovasi utama dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan. Teknologi ini telah mencetuskan perubahan besar dalam landskap pendidikan global dengan memperkenalkan pendekatan baharu terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Antara aplikasi AI yang semakin mendapat perhatian ialah *ChatGPT*, iaitu sebuah platform berasaskan model bahasa yang digunakan secara meluas oleh pelajar dan pendidik sebagai sumber rujukan serta pemudah cara pembelajaran. Kebergantungan manusia terhadap teknologi digital pada masa kini menjadikan penggunaan aplikasi seperti ChatGPT suatu realiti yang sukar dipisahkan daripada kehidupan seharian (Zulmiham, 2025) selaras dengan tuntutan dunia moden yang berasaskan teknologi.

Dalam konteks Pendidikan Islam, potensi penggunaan *ChatGPT* mula diteroka secara aktif oleh pendidik dan penyelidik sebagai medium sokongan pembelajaran. Aplikasi ini berupaya membantu menjelaskan konsep asas dalam akidah, ibadah, akhlak, dan sirah melalui penyampaian yang bersifat interaktif serta mudah difahami. Sebagai contoh, pelajar boleh mengemukakan soalan berkaitan hukum-hakam atau sejarah Islam dan menerima jawapan yang tersusun serta kelihatan meyakinkan. Keadaan ini secara tidak langsung dapat menggalakkan pembelajaran sendiri dan meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, penggunaan *ChatGPT* dalam Pendidikan Islam perlu disertai dengan literasi digital dan kefahaman agama yang kukuh bagi memastikan maklumat yang diterima adalah sahih dan selaras dengan ajaran Islam. Tambahan pula, kajian oleh Mukmin Hakim dan Mat Jubri Shamsuddin (2024) menekankan bahawa penggunaan teknologi AI seperti *ChatGPT* dalam kalangan pelajar Islam perlu dilihat melalui kerangka Maqasid al-Shariah, agar manfaatnya tidak menjejaskan prinsip etika, kebenaran ilmu, dan integriti akademik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis dokumen bagi meneliti penggunaan *ChatGPT* dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik memahami secara mendalam cabaran dan kebimbangan berkaitan kesahihan kandungan agama, kefahaman konteks syarak, etika penggunaan serta kebolehpercayaan maklumat yang dijana oleh kecerdasan buatan. Data kajian diperoleh daripada sumber sekunder yang terdiri daripada artikel jurnal berwasit, buku akademik dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kecerdasan buatan, *ChatGPT*, Pendidikan Islam dan literasi digital. Sebanyak 22 artikel ilmiah telah dikenal pasti melalui carian sistematik dalam pangkalan data jurnal pendidikan dan kajian Islam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 artikel jurnal berwasit yang memenuhi kriteria pemilihan iaitu kerelevanan dengan topik kecerdasan buatan, *ChatGPT*, pendidikan dan Pendidikan Islam yang telah dipilih untuk proses sorotan dan analisis lanjut. Analisis data dijalankan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif bagi mengenal pasti tema-tema utama seperti kesahihan kandungan agama, kelemahan model AI dalam memahami hukum dan dalil syarak, kebimbangan etika serta kekangan literasi digital dalam kalangan pelajar. Proses analisis melibatkan perbandingan kritikal antara dapatan kajian lepas bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan jurang kajian yang wujud. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, pelbagai sumber ilmiah yang berautoriti dirujuk dan diteliti secara sistematik sepanjang proses analisis.

FUNGSI DAN APLIKASI *CHATGPT* DALAM PEMBELAJARAN

ChatGPT merupakan salah satu aplikasi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) yang semakin menonjol dalam konteks pendidikan masa kini. Aplikasi ini dibangunkan oleh OpenAI berasaskan model *Generative Pre-trained Transformer* (GPT), yang direka untuk menjana teks secara interaktif berdasarkan input pengguna dengan tahap kefahaman semantik yang tinggi (Tom B. Brown et al., 2020). Keupayaan *ChatGPT* untuk memahami konteks perbualan dan menjana respons yang bersifat dinamik menjadikannya lebih daripada sekadar sistem soal jawab konvensional. Ciri ini membolehkan pengguna berinteraksi secara dua hala dengan sistem AI bagi mendapatkan penjelasan, huraian dan cadangan berkaitan pelbagai topik pembelajaran. Aplikasi ini digunakan untuk pelbagai tujuan seperti menjawab soalan peperiksaan, menerangkan konsep-konsep sukar, menulis esei akademik, meringkaskan bahan bacaan, menyediakan nota ulang kaji, serta mencadangkan isi pelajaran berdasarkan topik tertentu (Hyeon Jo, 2024). Keupayaan menjana respons dalam masa nyata memberikan kelebihan kepada pelajar untuk mendapatkan maklumat secara cepat dan mudah, sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih fleksibel dan interaktif.

Kajian oleh Kasneci et al. (2023) menunjukkan bahawa *ChatGPT* dapat berperanan sebagai pembantu digital yang menyokong pembelajaran sendiri (*self-directed learning*) dalam kalangan pelajar. Model ini bukan sahaja berupaya membantu pelajar menjelaskan topik yang kompleks, tetapi juga menggalakkan mereka mengemukakan soalan-soalan lanjutan yang membina kemahiran berfikir aras tinggi (*high-order thinking skills*). Pendekatan ini selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan kemahiran penyelesaian

masalah, komunikasi, dan kolaborasi digital. Selain itu, *ChatGPT* turut berperanan dalam memudahkan guru menyampaikan pengajaran. Ia boleh digunakan oleh pendidik untuk merancang bahan pengajaran, menghasilkan soalan latihan, memberi maklum balas segera terhadap tugas pelajar, serta menjana aktiviti interaktif seperti kuiz atau permainan bahasa. Dalam konteks ini, AI berfungsi sebagai pembantu pedagogi yang menyokong tugas guru dan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (Teo Susnjak, 2022).

CABARAN DAN KEBIMBANGAN PENGGUNAAN *CHATGPT* DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Antara cabaran utama dalam penggunaan AI untuk subjek agama ialah risiko penyampaian maklumat yang tidak tepat, tidak berautoriti, serta potensi penyebaran kandungan yang bercanggah dengan prinsip dan ajaran Islam. Hosseini et al. (2023) menjelaskan bahawa model bahasa seperti *ChatGPT* tidak mempunyai keupayaan untuk menilai nilai moral atau agama, sebaliknya hanya menjana teks berdasarkan corak dan data yang dilatih sebelumnya. Oleh itu, kandungan yang dihasilkan mungkin kelihatan meyakinkan dari sudut bahasa, tetapi tidak semestinya sahih dari perspektif syariah. Situasi ini menjadi lebih membimbangkan apabila pelajar tidak memiliki kemahiran literasi digital yang mencukupi untuk menilai kesahihan maklumat yang diterima.

Menilai Kesahihan Kandungan Agama

Kecerdasan buatan (AI) seperti *ChatGPT* semakin menjadi pilihan dalam kalangan pelajar sebagai sumber rujukan maklumat dalam pelbagai bidang, termasuk dalam subjek agama seperti Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, penggunaan AI dalam konteks ilmu agama menimbulkan cabaran besar, khususnya dalam menilai kesahihan kandungan yang dijana. Ini kerana kandungan agama mempunyai kerangka epistemologi yang berbeza dan menuntut tahap verifikasi yang lebih ketat berbanding maklumat biasa. Dalam konteks Islam, kesahihan maklumat merujuk kepada sejauh mana sesuatu maklumat itu berasaskan kepada dalil syarak yang sahih, merujuk kepada ulama yang muktabar, dan tidak bercanggah dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Salah satu cabaran utama dalam menilai kesahihan kandungan agama dalam AI adalah ketiadaan keupayaan untuk memahami konteks syarak menyebabkan maklumat yang dijana berisiko mengandungi unsur kekeliruan atau kesalahan. Walaupun respon yang diberikan kelihatan logik dan berstruktur, maklumat tersebut mungkin berdasarkan sumber yang tidak sahih, atau lebih membimbangkan, direka sepenuhnya oleh sistem tanpa rujukan sebenar. Fenomena ini dikenali sebagai *AI hallucination*, di mana AI menghasilkan maklumat yang kelihatan sahih tetapi sebenarnya tidak wujud atau tidak tepat dari segi fakta dan sumber (Floridi & Cowls, 2021).

Kajian oleh Mukmin Hakim dan Shamsuddin (2024) turut menekankan bahawa kandungan agama yang dijana oleh AI berisiko menyimpang daripada kerangka Ahlus Sunnah Wal Jamaah kerana model AI tidak memiliki sistem saringan teologikal. AI tidak mampu membezakan antara pandangan mazhab yang muktabar dengan pandangan yang telah ditolak

oleh jumhur ulama. Dalam hal ini, pelajar yang tidak memiliki asas ilmu agama yang kukuh mungkin akan menerima pandangan yang salah sebagai satu kebenaran hanya kerana ia disampaikan dalam bentuk yang meyakinkan.

Kelemahan Model AI dalam Memahami Konteks Hukum dan Dalil

Walaupun model kecerdasan buatan (AI) seperti *ChatGPT* menunjukkan keupayaan yang tinggi dalam menjana maklumat secara pantas dan sistematik, terdapat kelemahan mendasar apabila ia diaplikasikan dalam konteks hukum Islam dan dalil syarak. Kelemahan ini berpunca daripada sifat asas AI itu sendiri yang berfungsi berdasarkan corak data (*pattern recognition*) dan statistik linguistik, tanpa kefahaman sebenar terhadap maksud syarak, metodologi fiqh, atau prinsip usul al-din yang mendasari hukum-hakam dalam Islam.

Antara kelemahannya ialah ketiadaan kesedaran terhadap maqasid syariah dan prinsip asas dalam istinbat hukum. Dalam tradisi keilmuan Islam, setiap hukum bukan sahaja dipetik daripada nas (al-Quran dan hadis), tetapi juga dianalisis berdasarkan tujuan syarak (maqasid), kaedah usul fiqh, qawaid fihiyyah, dan konteks sosial yang spesifik. Sebaliknya, AI tidak mempunyai keupayaan untuk menilai faktor-faktor ini secara menyeluruh. Sebagai contoh, apabila menjawab persoalan hukum tertentu, *ChatGPT* cenderung memberikan jawapan umum tanpa mempertimbangkan pelbagai aspek penting seperti darurat, niat, kaedah perubatan, atau perbezaan pandangan mazhab.

Selain itu, AI tidak dapat membezakan antara *dalil qat'ie* dan *dalil zanni*, atau menilai tahap kesahihan hadis seperti hadis sahih, hasan dan daif. Sistem ini juga, tidak menjalankan proses *tahqiq* atau *takhrij* hadis, sebaliknya hanya menyampaikan maklumat berdasarkan pola bahasa yang pernah wujud dalam data latihannya. Ini menyebabkan kemungkinan berlaku kesalahan seperti menyandarkan hukum kepada hadis palsu, menyamakan pendapat ulama minoriti dengan pandangan jumhur, atau mencampuradukkan antara ijtihad kontemporari dan hukum asal. Beberapa kajian yang dijalankan, AI juga didapati menjana “hadis” yang tidak wujud dalam mana-mana kitab, atau memberikan rujukan yang salah dan tidak dapat disahkan (CJ Werleman Show, 2023).

Kebimbangan Etika dan Penyalahgunaan Maklumat

Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan, seperti *ChatGPT*, turut menimbulkan pelbagai kebimbangan dari sudut etika dan potensi penyalahgunaan maklumat. Salah satu isu utama ialah kebergantungan pelajar terhadap maklumat yang dijana secara automatik tanpa penilaian kritikal terhadap kesahihan kandungan tersebut. Meskipun *ChatGPT* berupaya memberikan respon yang terperinci dan meyakinkan, tetapi tetap tidak mempunyai keupayaan untuk memahami dimensi etika atau nilai-nilai agama secara mendalam. Hal ini amat membimbangkan apabila melibatkan kandungan yang menyentuh isu-isu sensitif seperti hukum-hakam Islam, tafsiran ayat al-Quran, atau hadis Nabi SAW, yang memerlukan autoriti dan keabsahan sumber yang sahih serta disiplin ilmu yang tersusun.

Menurut Almarzouqi et al. (2024), kandungan yang dihasilkan oleh *ChatGPT* berpotensi membawa maklumat yang salah, tidak lengkap atau bersifat umum yang boleh disalah tafsir

oleh pelajar, terutamanya apabila digunakan dalam konteks keagamaan atau etika. Hosseini et al. (2023) turut menegaskan bahawa *ChatGPT* tidak direka bentuk untuk menggantikan sumber ilmiah yang berautoriti, dan penggunaannya tanpa kawalan boleh mendorong kepada penyebaran maklumat yang mengelirukan atau bercanggah dengan prinsip pendidikan.

Dalam konteks Pendidikan Islam, isu etika ini lebih ketara kerana sebarang penyampaian ilmu perlu disaring melalui disiplin ilmu yang muktabar dan pematuhan kepada kaedah pengesahan sumber. Oleh itu, pendekatan penggunaan AI mestilah berpaksikan nilai tanggungjawab, penilaian beretika, serta bimbingan daripada guru atau pakar dalam bidang agama bagi mengelakkan penyalahgunaan yang boleh membawa implikasi terhadap kefahaman pelajar terhadap ajaran Islam.

Kekangan Literasi Digital dalam Kalangan Pelajar

Literasi digital merupakan kemahiran asas dalam era pendidikan abad ke-21 yang merangkumi kebolehan mengakses, menilai, menggunakan dan mencipta maklumat melalui teknologi digital. Dalam konteks pendidikan Islam yang semakin terdedah kepada aplikasi digital seperti *ChatGPT*, tahap literasi digital dalam kalangan pelajar menjadi faktor kritikal yang mempengaruhi keberkesanan penggunaan teknologi dalam proses pembelajaran. Walau bagaimanapun, pelbagai kajian menunjukkan bahawa masih terdapat kekangan literasi digital yang ketara dalam kalangan pelajar, khususnya apabila melibatkan kebolehan menilai kesahihan dan kesesuaian maklumat berkaitan agama.

Antara kekangan utama yang dikenal pasti ialah kelemahan pelajar dalam menilai kesahihan maklumat agama yang dijana oleh AI. Kebanyakan pelajar tidak memiliki kemahiran untuk membezakan antara maklumat sahih dan tidak sahih, terutama dalam konteks kandungan agama yang memerlukan pengetahuan tentang dalil, sanad, ijmak dan metodologi ilmu Islam. Mereka cenderung menerima maklumat yang dijana oleh sistem AI seperti *ChatGPT* tanpa meneliti sumber asal atau memahami asas ilmu yang digunakan dalam menjana respons tersebut. Kekurangan kemahiran ini meningkatkan risiko penyebaran maklumat yang tidak tepat, serta membentuk kefahaman yang salah terhadap hukum atau konsep Islam.

Selain itu, terdapat pelajar yang mempunyai penguasaan teknikal terhadap teknologi, tetapi kurang memiliki kesedaran kritikal terhadap kandungan yang diterima. Mereka mampu mengemukakan soalan dan menyalin jawapan daripada *ChatGPT*, namun tidak berupaya untuk menganalisis atau menilai kandungan tersebut secara reflektif. Fenomena ini bercanggah dengan semangat pendidikan Islam yang mementingkan muhasabah, tajdid pemikiran, dan analisis mendalam terhadap sesuatu isu.

Kekangan literasi digital juga berkait rapat dengan jurang akses dan pendedahan kepada teknologi dalam kalangan pelajar, terutama di kawasan luar bandar atau komuniti berpendapatan rendah. Tidak semua pelajar mempunyai kemudahan capaian internet yang stabil, peranti pintar yang sesuai, atau persekitaran rumah yang kondusif untuk eksplorasi pembelajaran digital secara sendiri. Kajian oleh Haekal Adha alGiffari (2024) menunjukkan bahawa perbezaan latar belakang sosial dan ekonomi memberi kesan langsung kepada tahap pendedahan pelajar terhadap teknologi AI serta keyakinan mereka untuk menggunakannya

dalam pembelajaran. Kekangan ini seterusnya menjejaskan kebolehan pelajar untuk menggunakan *ChatGPT* sebagai pemudah cara yang efektif dalam subjek Pendidikan Islam.

Kebolehpercayaan Maklumat Daripada AI

Dalam era digital, kebolehpercayaan merujuk kepada tahap keyakinan pengguna terhadap ketepatan, kesahihan, dan keaslian sesuatu maklumat yang diterima melalui medium dalam talian. Kebolehpercayaan maklumat bukan sahaja bergantung kepada bentuk penyampaian, tetapi juga kepada sumber, konteks, dan tujuan maklumat tersebut disampaikan. Menurut Metzger dan Flanagin (2013), maklumat digital yang boleh dipercayai mestilah bersumberkan entiti yang sah, disampaikan secara konsisten, bebas daripada bias, serta mempunyai sokongan fakta yang boleh disahkan. Dalam konteks pendidikan, khususnya apabila pelajar menggunakan platform kecerdasan buatan seperti *ChatGPT* sebagai sumber rujukan, penilaian terhadap kebolehpercayaan maklumat menjadi semakin penting. Hal ini kerana kandungan yang dijana oleh sistem AI tidak semestinya berpunca daripada sumber akademik yang berautoriti, malah berkemungkinan mengandungi kesalahan fakta atau tafsiran yang tidak tepat, khususnya dalam bidang yang menuntut ketelitian seperti Pendidikan Islam. Memahami dan mentakrifkan konsep kebolehpercayaan dalam konteks maklumat digital adalah asas kepada penggunaan yang bertanggungjawab dan kritikal terhadap teknologi seperti *ChatGPT*.

Oleh itu, cabaran timbul apabila AI seperti *ChatGPT* menghasilkan kandungan tanpa kemampuan menilai kesahihan sumber secara intrinsik. Floridi dan Cowls (2021) menegaskan bahawa model AI seperti ini berfungsi berdasarkan data latihan yang luas, tetapi tidak mempunyai keupayaan untuk membezakan antara maklumat yang sahih dan yang menyimpang. Hal ini boleh menyebabkan pelajar menerima maklumat yang kelihatan meyakinkan tetapi tidak tepat dari sudut pandangan syariah. Dalam kajian ini, konsep kebolehpercayaan ditakrifkan sebagai sejauh mana maklumat yang dijana oleh *ChatGPT* dianggap sahih oleh pelajar, sejajar dengan kurikulum Pendidikan Islam, tidak bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah, serta diyakini untuk dijadikan rujukan dalam proses pembelajaran. Justeru, pemahaman terhadap kebolehpercayaan dalam konteks digital bukan sahaja penting dari sudut akademik, tetapi juga dari sudut pemeliharaan nilai dan integriti ilmu Islam dalam era digital yang semakin mencabar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan *ChatGPT* dalam Pendidikan Islam memperlihatkan potensi besar sebagai alat sokongan pembelajaran yang mampu meningkatkan akses maklumat, menggalakkan pembelajaran sendiri dan membantu pelajar memahami konsep-konsep asas agama secara lebih interaktif. Namun demikian, potensi ini hadir bersama pelbagai cabaran kritikal yang tidak boleh diabaikan, khususnya berkaitan kebolehpercayaan maklumat, kesahihan kandungan agama, kefahaman konteks hukum syarak, serta isu etika dan literasi digital dalam kalangan pelajar.

Analisis mendapati bahawa kelemahan utama *ChatGPT* terletak pada ketidakupayaannya untuk menilai kesahihan dalil, memahami metodologi fiqh, membezakan

pandangan ulama yang muktabar, serta menimbang maqasid syariah dalam penjaan jawapan. Keadaan ini menjadikan penggunaan AI sebagai sumber rujukan agama tanpa bimbingan berautoriti berisiko menimbulkan kekeliruan dan penyimpangan kefahaman dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, tahap literasi digital yang tidak seimbang memperbesar risiko penerimaan maklumat secara pasif dan tidak kritikal.

Oleh itu, penggunaan *ChatGPT* dalam Pendidikan Islam perlu diletakkan dalam kerangka yang jelas dan terkawal, berasaskan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah, etika penggunaan teknologi dan bimbingan pedagogi yang berterusan. Guru dan institusi pendidikan Islam memainkan peranan penting sebagai penapis, pembimbing dan autoriti ilmu bagi memastikan teknologi AI dimanfaatkan sebagai pemudah cara, bukan pengganti kepada sumber ilmiah yang sahih. Dengan pendekatan yang berhemah dan beretika, AI seperti *ChatGPT* berpotensi menjadi alat sokongan yang bermanfaat tanpa menjejaskan kesucian dan integriti ilmu Islam dalam era digital.

RUJUKAN

- Abdullah, N., Maskur, H., & Mutalib, R. A. (2020). Penggunaan aplikasi kepintaran buatan (AI) dalam PdP: Satu kajian kepustakaan. Dalam *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)* (pp. 265–271).
- Adawiah Hosni, Mohd Farhan Md Ariffin, & Hamdi Ishak. (2023). Isu dan cabaran ChatGPT terhadap pengajian Islam. *Journal Al-Turath; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1), i–xvii.
- Adiyono, A., Al Matari, A. S., & Dalimarta, F. F. (2025). Analysis of student perceptions of the use of ChatGPT as a learning media: A case study in higher education in the era of AI-based education. *Journal of Education and Teaching (JET)*, 6(2), 306–324.
- Ahmad Azmi AbdelHamid Esmaeil, Ag Kiflee@Dzulkifli, D. N., Maakip, I., Mantaluk, O. O., & Marshall, S. (2023). Understanding student perceptions regarding the use of ChatGPT in their argumentative writing: A qualitative inquiry. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(4), 123–145. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3904-08>
- Ahmad Shukur Arifen, Abu Bakar, S., Teck, W. K., Aliya, N., Mohamad, A., Abu Bakar, A., Mamat, M. H., & Ahmad, M. K. (2024). Comprehensive literature review: Use of e-modules based on artificial intelligence in science subjects and its implications on teaching and learning. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 77–90. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.7.2024>
- Alemdar, H., & Ozalp, I. (2023). Effects of over-reliance on AI dialogue systems on students' cognitive abilities: A systematic review. *Smart Learning Environments*, 11, 28. <https://doi.org/10.1186/s40561-024-00316-7>
- Alzahrani, M., Bashmail, M., & Sadik, M. (2024). Enhancing personalized learning: AI-driven identification of learning styles and content modification strategies. *International Journal of Cognitive Computing in Engineering*, 5, 269–278. <https://doi.org/10.1016/j.ijcce.2024.06.002>

- Ayun Hafifatul Mukarohmah, K., Koderi, & Jatmiko, A., & Mustofa, I. (2024). Literature review on the use of ChatGPT in Islamic religious education learning. *AlMasail: Journal of Islamic Studies*, 2(1), 28–34. <https://doi.org/10.61677/almasail.v2i1.185>
- Bright, T. J., Tatonetti, N., Won, K. J., Gonzalez-Hernandez, G., & Moore, J. H. (2023). ChatGPT and large language models in academia: Advantages and concerns. *BioData Mining*.
- Brown, T. B., Mann, B., Ryder, N., Subbiah, M., Kaplan, J., Dhariwal, P., et al. (2020). Language models are few-shot learners. *Advances in Neural Information Processing Systems*, 33, 1877–1901. <https://arxiv.org/abs/2005.14165>
- Creswell, J. W. (2013). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Chear, T. S., & Norman, H. (2024). Teachers' perceptions about the use of artificial intelligence (AI) in teacher teaching at the middle school level. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(2), 150–157. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.2.13.2024>
- Daud, M. Z., Ismail, E., Azli, M. S. M., Omar, M. K. A. R., Asyraf, M. I. A. M. J., Mahmud, N. M., et al. (2024). Perspektif mahasiswa universiti teknikal di Malaysia terhadap kecerdasan buatan (AI) sebagai pemudah cara menyiapkan tugasan berbahasa Melayu. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 8(2), 183–198.
- Elmahdi, I., Al-Harbi, S., & Alzahrani, K. (2023). The role of artificial intelligence applications in enhancing education: A focus on ChatGPT. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 18(5), 112–124. <https://doi.org/10.3991/ijet.v18i05.39375>
- Floridi, L., & Cowls, J. (2021). A unified framework of five principles for AI in society. *Harvard Data Science Review*, 3(1). <https://doi.org/10.1162/99608f92.8cd550d1>
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2006). *Measurement and evaluation in research* (6th ed.). McGraw-Hill.
- Gill, S. S., et al. (2023). Transformative effects of ChatGPT on modern education: Emerging era of AI chatbots. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2306.03823>
- Hadi, M. A., Abdulredha, M. N., & Hasan, E. (2023). Introduction to ChatGPT: A new revolution of artificial intelligence with machine learning algorithms and cybersecurity. *Scientific Archives*, 4(4), 276. <https://doi.org/xxxx>
- Haekal Adha alGiffari. (2024). *Exploring the meaning of ChatGPT among students and lecturers for academic purposes at IIUM Gombak campus* (Tesis sarjana). International Islamic University Malaysia.
- Hosseini, M., & Horbach, S. P. J. M. (2023). Fighting reviewer fatigue or amplifying bias? Considerations and recommendations for use of ChatGPT in scholarly peer review. *Research Integrity and Peer Review*, 8, 4. <https://doi.org/10.1186/s41073-023-00133-5>
- Hussin, H., Ahmad, A. R. A. R., Saleh, M. H., & Haridi, N. H. (2022). Dimensi pelajar terhadap penggunaan medium teknologi dalam kursus hafazan al-Quran semasa COVID-19: Kajian terhadap pelajar Universiti Sains Islam Malaysia. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari*, 5(1), 27–36. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v5i1.45>
- Ismail, M. B. (1997). *Al-qawa'id al-fiqhiyyah baina al-asalah wa al-taujih*. Dar al-Manar.
- Isti'ana, A. (2024). Integrasi teknologi dalam pembelajaran pendidikan Islam. *Indonesian Research Journal on Education*, 4(1), 302–310.

- Jo, H. (2024). A new era of student learning: How ChatGPT reshapes classroom education. *Educational AI Journal*, 12(1), 34–49.
- Kasneci, E., Sessler, K., Küchemann, S., Bannert, M., Dementieva, D., Fischer, F., & Kasneci, G. (2023). ChatGPT for good? On opportunities and challenges of large language models for education. *Learning and Individual Differences*, 103, 102274. <https://doi.org/10.1016/j.lindif.2023.102274>
- Laila, F., Risqi, A., Hafizah, Z., Ali, M., & Fawwaz, A. (2024). Islamic religious education teacher responses to the use of ChatGPT in improving pedagogical competence. Dalam *Proceedings of the International Conference on Teaching and Learning* (Vol. 1, hlm. 268–274). <https://conference.ut.ac.id/index.php/ictl/article/view/1951>
- Malik, S., Afzal, M., & Zaki, Z. (2023). Challenges of using ChatGPT in education: A systematic analysis. *Journal of Educational Technology & Society*, 26(3), 45–59.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Metzger, M. J., & Flanagin, A. J. (2013). Credibility and trust of information in online environments: The use of cognitive heuristics. *Journal of Pragmatics*, 59, 210–220. <https://doi.org/10.1016/j.pragma.2013.07.012>
- Mohd Sukis, S. M., & Muhamad, N. (2022). Pelaksanaan pentaksiran alternatif digital dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(47), 578–600. <https://doi.org/10.35631/ijepe.747046>
- Mukmin Hakim, M. K. I., & Shamsuddin, M. M. J. (2024). Maqasid al-Shariah in the age of AI: A critical examination of ChatGPT usage among IIUM students. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 11(2), 1–18. <https://doi.org/10.22452/ris.vol11no2.1>
- Nawi, A., Samah, N. A., Yaakob, M. F. M., Yusof, M. R., Othman, M. K., Makhsin, M., & Zameran, F. A. (2023). Isu dan masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan pendidikan Islam di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10(4), 41–55.
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Yusmini Md. Yusoff. (2021). Peranan guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam menurut perspektif al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 52–63. <https://doi.org/10.22452/jier.vol6no2021.4>
- Raflee, S. S. M., & Halim, L. (2021). The effectiveness of critical thinking in improving skills in KBAT problem solving: Keberkesanan pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah KBAT. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 11(1), 60–76. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol11.1.6.2021>
- Rahman, N. A., Ahmad, M. Z., & Jamaluddin, S. Z. (2024). Penerokaan awal penggunaan ChatGPT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. *Jurnal Teknologi dan Pendidikan*, 12(1), 44–57.
- Rochim, A. A. (2024). Kecerdasan buatan: Risiko, tantangan dan penggunaan bijak pada dunia pendidikan. *Antroposen: Journal of Social Studies and Humaniora*, 3(1), 13–25. <https://doi.org/10.33830/antroposen.v3i1.6780>
- Roe, J., & Perkins, M. (2024). Generative AI in self-directed learning: A scoping review. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2411.07677>

- Sabli, H. M., Narawi, N. I., Zulhasrizan, N. V., & Narzeri, S. R. (2024, August). Pembangunan persekitaran pembelajaran yang mampan: Peranan kecerdasan buatan dalam pendidikan tinggi. In *Proceedings of the International Conference on Engineering, Technology & Social Science (ICETSS)* (Vol. 1, pp. 157–161).
- Sabrina, E., Syahputra, F., Lubis, A. Y., Fadilillah, D., Lubis, G. Z., Hia, R. N. S., Ramadhan, W. S. (2025). ChatGPT dalam proses pembelajaran: Dampaknya terhadap pemahaman dan kreativitas mahasiswa. *MUDABBIR Journal Research and Education Studies*, 5(1), 587–598.
- Suhendi, S., Yulianti, F., Isnaini, N. A., Jamal, J., Tamim, A., Wulandari, R., & Ruswandi, U. (2023). The emergence of ChatGPT: Exploring its potential in designing Islamic religious education learning. *Edukasi Islami: Jurnal Pendidikan Islam*, 13(2), xx–xx. <https://doi.org/10.30868/ei.v13i02.5894>
- Shahibi, M. S., Mazlan, M. A., Noor, H. M., & Hanafiah, M. S. M. (2013). Persepsi terhadap kredibiliti maklumat di internet dari kalangan generasi muda Melayu (pelajar UiTM). *Informika: Jurnal Peradaban Informasi dan Ilmu*, 2, 95–101.
- Susnjak, T., & McIntosh, T. R. (2024). ChatGPT: The end of online exam integrity? *Education Sciences*, 14(6), 656. <https://doi.org/10.3390/educsci14060656>
- Tsuria, R., & Tsuria, Y. (2024). Artificial intelligence's understanding of religion: Investigating the moralistic approaches presented by generative artificial intelligence tools. *Religions*, 15(3), 375. <https://doi.org/10.3390/rel15030375>
- Tumiran, M. A., Baharuddin, B. H., & Mohammad, N. (2025). Potensi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pendidikan di Malaysia: Analisis kandungan: The potential of artificial intelligence (AI) in the Malaysian education system: Content analysis. *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 237–250.
- Yan, L., Sha, L., Zhao, L., et al. (2023). Practical and ethical challenges of large language models in education: A systematic scoping review. *arXiv*. <https://arxiv.org/abs/2303.13379>
- Zaharah, Z., Basyit, A., Husein, M. T., Fauzi, A., Arif, Z., & Sina, I. (2024). Revolutionizing learning: The impact of artificial intelligence on Islamic education and the wave of transformation. *AL ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 16(4). <https://doi.org/10.35445/alishlah.v16i4.6078>
- Zhai, C., Wibowo, S., & Li, L. D. (2024). The effects of over reliance on AI dialogue systems on students' cognitive abilities: A systematic review. *Smart Learning Environments*, 11, 28. <https://doi.org/10.1186/s40561-024-00316-7>
- Zhai, X. (2022). ChatGPT: Writing and reasoning enhancement or deterioration? *Frontiers in Psychology*, 13, 1115861. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.1115861>
- Zhou, L., & Li, J. (2023). The impact of ChatGPT on learning motivation: A study based on self-determination theory. *Education Science and Management*, 1(1), 19–29.
- Zulmihram. (2025). Students' perception regarding the use of ChatGPT in Islamic religious education learning. *SiLeT Journal*, 1(1), 1–15.